



JOURNAL OF EVENT, TOURISM AND HOSPITALITY STUDIES

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jeth>

How to cite this article:

Mahmud, M., Halim, M. H. A., & Masnan, S. S. K. (2025). Arkeopelancongan Lembah Bujang: Potensi dan Strategi Pemasaran Daripada Sudut Pemain Industri. *Journal of Event, Tourism and Hospitality Studies*, 5, 181 - 200. <https://doi.org/10.32890/jeth2025.5.11>

ARKEOPELANCONGAN LEMBAH BUJANG: POTENSI DAN STRATEGI PEMASARAN DARIPADA SUDUT PEMAIN INDUSTRI

**¹Mazlan Mahmud, ²Mohd Hasfarisham Abd Halim
& ³Shyeh Sahibul Karamah Masnan**

^{1&2}Penyelidik bebas, Tapak Arkeologi Sungai Batu 08100 Bedong, Kedah

³Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

¹Corresponding author: ancientkedahheritage@gmail.com

Received: 29/4/2025

Revised: 31/5/2025

Accepted: 22/7/2025

Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Penyelidikan arkeologi Lembah Bujang telah mendedahkan bukti-bukti sejarah, budaya dan warisan yang unggul dan mampu dipasarkan sebagai produk pelancongan warisan khususnya di dalam lingkungan arkeopelancongan sebaris dengan tapak-tapak arkeopelancongan di rantau ini dan negara-negara Komanwel. Oleh hal yang demikian bagi memlenkapkan kajian, beberapa metodologi telah diaplikasikan termasuklah survei makmal yang merangkumi rumusan terhadap kajian terdahulu, serta laporan di jabatan kerajaan khasnya data daripada pihak Jabatan Muzium Malaysia. Selain itu, survei lapangan yang merangkumi aktiviti turut serta terhadap program pelancongan yang dianjurkan turut dilakukan bagi mengesahkan lagi potensi arkeopelancongan di kawasan ini secara maksimum. Hasil-hasil kajian akademik yang telah dijalankan sejak 1800 telah membuktikan wilayah ini mempunyai hubungkait sejarah yang rapat bermula dari prasejarah sehingga era kolonial. Produk-produk pelancongan ikonik yang dikenal pasti ialah geopelancongan, arkeopelancongan dan biopelancongan (Jerai Geopark, Tamadun Awal Sungai Batu, Estuari Sungai Merbok dan hutan hujan khatulistiwa) serta produk-produk sokongan pelancongan yang lain seperti sejarah, agro, rekreasi-eko, budaya, kesihatan, pendidikan, sukan dan gastronomi klasik yang saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Malah setakat ini kawasan Lembah Bujang sudah terdapat persatuan pelancongan, usahawan komuniti, pengendali bot ke pulau-pulau, pengusaha chalet dan operator-operator yang menyediakan pakej-pakej pelancongan ke lokasi geotapak. Perkara ini akan menyemarakkan aktiviti pelancongan dengan pelibatan komuniti tempatan. Kekuatan arkeopelancongan Lembah Bujang ialah pelawat berpeluang mendapat penerangan dan lawatan

tapak daripada penyelidik sendiri yang berpengalaman terlibat di lapangan dengan data-data yang lebih tepat dan terperinci serta tidak terlalu bersifat akademik dengan bayaran lawatan yang berpatutan. Hal ini akan banyak membantu ejen-ejen pelancongan serta pemain industri secara holistik dalam usaha mempromosikan dan memasarkan tapak-tapak warisan lain di dunia.

Kata kunci: Lembah Bujang, arkeopelancongan, pembangunan komuniti, potensi tapak, strategi pemasaran, penyelidik di lapangan.

ABSTRACT

Archaeological research in the Bujang Valley has revealed evidence of history and heritage that is superior and marketable as a product of heritage tourism, especially archaeotourism in line with archaeological tourism sites in the region and Commonwealth Country. Therefore, to facilitate the study, several methodologies have been applied, including laboratory surveys, which include a summary of previous studies, as well as reports from government departments, especially data from the Department Museums of Malaysia. In addition, field surveys involving participation in tourism programmes were also conducted to further verify the potential of archeotourism in this area to the maximum. The results of academic studies that have been carried out since 1800 have proven that this area shared a close historical links from pre-history to the colonial era. Among the iconic tourism products are geotourism, archaeotourism and biotourism (Jerai Geopark, Early Civilization of Sungai Batu, Merbok River Estuary and Tropical Rainforest) as well as other tourism support products such as history, agro, recreation-eco, culture, health, education, sports and gastronomy which are very classic and complementary and with the operators ready to provide tour packages to geosite and enliven tourism activities with the involvement of the local community. The strength of archaeotourism here is that visitors will be briefed by the researchers that involve from the beginning at the site. The visitors will get more accurate data and detailed information and of course not too academic with an affordable fee. This approach will assist travel agencies and industry players holistically in their promotional and marketing efforts like other heritage sites in the world.

Keywords: Bujang Valley, archaeotourism, community development, site potential, marketing strategies.

PENGENALAN

Oleh sebab seorang penyelidik sejati mempunyai dedikasi yang besar untuk menyebarkan dapatan kajiannya, maka dapatan tersebut perlu diterbitkan dalam pelbagai medium sama ada jurnal, prosiding atau buku. Atas tanggungjawab berkenaan maka kajian berkaitan keistimewaan lokasi pelancongan khususnya di Lembah Bujang dapat diklasifikasikan berdasarkan rujukan kajian Low (1848: 1849) sehinggalah penyelidik terkini oleh Mokhtar dan Ibrahim (2019) dan Mokhtar (2016: 2022: 2023: 2024). Hasil kajian tersebut telah mampu memperjelaskan keistimewaan kawasan Lembah Bujang itu sendiri dalam peta pelancongan global. Dapatan data primer berkenaan direkodkan setelah seseorang pengkaji sudah menjalani satu proses disiplin arkeologi yang ketat oleh Mohd Hasfarisham, 2025a,b,c; 2024a,b,c,d; 2023) sehingga ia akan berakhir sebagai dapatan akademik yang dapat diterbitkan (Burrows, 2011; Afolaranmi, 2023). Walaupun dapatan telah diterbitkan dalam jurnal penyelidikan, namun satu usaha yang perlu diteruskan ialah kaedah ia perlu dilestarikan. Kelestarian bahan warisan ini memerlukan peranan semua pihak bermula dengan pihak

pemegang taruh yang bertindak sebagai bahan berautoriti dalam memulihara khazanah negara sehinggalah kepada komuniti setempat.

Bagi konteks Malaysia badan berautoriti dalam memastikan bahan warisan terpelihara ialah Jabatan Warisan Negara, Jabatan Muzium dan Antikuiti dan Jabatan Arkib Negara Malaysia. Jabatan Warisan Negara itu sendiri telah mempunyai akta (Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)) yang mampu menjaga bahan warisan dengan baik jika ditadbir urus dengan berkesan (Mohd Yuszaidi & Muammar Ghaddafi, 2015). Selain itu, Jabatan Muzium Malaysia dan Jabatan Arkib Negara Malaysia serta cawangannya juga boleh bertindak sebagai organisasi yang boleh mempamerkan bahan warisan berkenaan dalam bentuk pameran muzium, arkib, institusi pengajian tinggi sehingga ke peringkat sekolah. Pameran bercorak sedemikian pasti akan membolehkan proses pendidikan dan penyebaran ilmu dapat dilakukan (Nur Nadzirah, 2016; Nor Azlin *et al.*, 2019) kepada semua lapisan masyarakat yang akhirnya mampu melahirkan komuniti yang menghargai dan menyayangi warisan bangsa.

Jika usaha yang melibatkan antara pemegang taruh sehinggalah kepada komuniti setempat dilaksanakan secara berterusan maka bukti keistimewaan tapak pelancongan yang ada di persekitaran Lembah Bujang khasnya, mampu diwartakan menjadi tapak warisan dunia UNESCO sama ada dalam kategori *World Heritage Site* (WHS), Global Geopark (UGGp) atau *Man and Biosphere* (MAB). Jika perkara ini terlaksana ia mampu menjana pulangan ekonomi yang baik kepada komuniti dan negara seperti Tapak Warisan Dunia UNESCO yang lain. (Alexandrakis *et al.*, 2019; Lee & Ramasamy, 2021; Bertacchini *et al.*, 2024). Bagi memastikan situasi berkenaan dapat direalisasikan maka kejayaan sektor arkeopelancongan khususnya di Lembah Bujang banyak bergantung pada kebijaksanaan pemain industri untuk mengolah dan menyesuaikan data-data akademik kepada pakej pelancongan selaras dengan kehendak pasaran industri pelancongan. Di sinilah peranan dan kerjasama antara agensi pengurusan tapak, pemain industri, komuniti dan pelancong sangat penting untuk mengangkat sektor arkeopelancongan sebagai produk pelancongan ikonik dan dalam masa yang sama tidak mengabaikan bukti-bukti arkeologi di lapangan.

Namun begitu walaupun kerjasama antara pemegang taruh dan pemain industri berada dalam keadaan terbaik jika beberapa perkara seperti isu dan masalah yang boleh mengganggu gugat kestabilan ekosistem dan suasana dalam aktiviti pelancongan tidak dipantau, ia akan turut memberikan kesan negatif kepada perkembangan sektor pelancongan secara global. Oleh hal yang demikian satu pendekatan dan tindakan yang sangat serius daripada semua pihak diperlukan supaya masalah tersebut dapat dielakkan daripada berlaku.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi memlenkapkan kajian ini metodologi yang telah diaplikasikan adalah melibatkan kajian makmal dan kajian lapangan. Kajian makmal meliputi kaedah penelitian, merumuskan dan menginterpretasi hasil laporan, tesis, dan kajian terdahulu diguna pakai bagi meneliti aspek-aspek berkaitan potensi dan strategi perlaksanaan arkeopelancongan di Lembah Bujang ini. Aspek tersebut akan memberi gambaran dan maklumat berkaitan peranan pemegang taruh dan komuniti setempat dalam industri pelancongan warisan berkenaan.

Selain itu, kaedah kajian lapangan menerusi penyertaan aktif dalam pelbagai program pelancongan seperti seminar, dialog awam (town hall), kedai barangan kembara (travel mart) dan sebagainya turut dilakukan bagi mengesahkan peranan pihak berkepentingan(stakeholder) dalam agenda

pembangunan pelancongan lestari. Dapatan data tersebut kemudiannya dirumuskan dalam kajian ini yang menjelaskan data berkaitan potensi besar Lembah Bujang sebagai kawasan pelancongan warisan di Malaysia. Kawasan pelancongan ini memerlukan strategi yang berkesan untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan warisan yang lestari.

TUJUAN KAJIAN

Lembah Bujang merupakan satu-satunya kawasan di Malaysia yang menampilkan produk ikonik gabungan antara geologi, arkeologi tamadun awal dan biologi (bakau dan hutan hujan khatulistiwa) serta produk sampingan. Secara umumnya tujuan utama kajian ini adalah untuk menjadikan kawasan ini sebagai contoh lokasi pelancongan warisan yang berjaya dan lestari berdasarkan justifikasi UNESCO terhadap tapak WHS, UGGp dan MAB. Berikut ialah objektif kajian:

- Mengenal pasti peranan pemegang taruh dan komuniti setempat dalam agenda pembangunan pelancongan warisan di Lembah Bujang,
- Merekodkan potensi dan pemasaran tapak pelancongan warisan yang ada di Lembah Bujang,
- Merekodkan konsep, pendekatan dan komponen dalam pemeraksanaan sektor pelancongan warisan.

ISU DAN MASALAH PELANCONGAN WARISAN DUNIA

Antara isu dan masalah utama sektor pelancongan warisan dunia secara umum ialah ketidakstabilan ekonomi membuatkan kawasan pelancongan tidak dikunjungi pelancong. Ketidakstabilan ekonomi ini boleh dikategorikan kepada beberapa sebab utama. Antara faktor yang dominan ialah persengketaan, pergaduhan dan peperangan yang berlaku di beberapa negara di dunia (Teye, 1986; Smith, 1998; Kamarulnizam, 1999). Kemelut persengketaan India-Pakistan, perang teknologi Amerika Syarikat- China, pertikaian tuntutan pemilikan laut antara Brunei, China, Taiwan, Malaysia, Indonesia, Filipina dan Taiwan, isu senjata nuklear Amerika Syarikat-Korea Utara merupakan antara krisis besar yang berlaku kini (Mohd Azmi, 2020). Apabila perkara ini berlaku, keadaan huru-hara akan tercetus yang akhirnya menyebabkan para pelancong tidak berkunjung ke kawasan pelancongan (Medlik, 1991; Fauziah, 2016).

Selain itu, isu wabak penyakit berjangkit seperti virus Korona (Covid-19) yang melanda dunia pada tahun 2019-2020 turut menjejaskan pendapatan negara dalam sektor pelancongan (UNWTO, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana apabila wabak ini berlaku, pihak kerajaan terpaksa melaksanakan perintah berkurung, pembekuan visa selain menarik seketika kemudahan keluar masuk ke sesebuah negara (Sinar Harian, 2020a,b; Reuters, 2020a,b). Perkara ini jelas menjejaskan perkembangan sektor pelancongan. Pencemaran yang dilakukan setiap hari memungkinkannya berlakunya perubahan iklim yang ketara. Perubahan iklim ini akhirnya menyebabkan berlakunya pemanasan global, pencairan ais di kutub, kenaikan mendadak paras air laut dan kematian terumbu karang. Kenaikan mendadak paras air laut pasti akan mengakibatkan lebih 80% kawasan daratan yang rendah ditenggelami air (Samreen & Muhammad Imran, 2018). Keadaan ini pastinya merosakkan dan memusnahkan kawasan pelancongan warisan terutama tapak-tapak pelabuhan awal dunia yang berada berdekatan dengan garis pantai pada masa ini.

Isu berkaitan dengan urusan perjalanan seperti urusan pasport, visa, imigresen, tiket penerbangan, penundaan penerbangan turut menjadi cabaran besar bagi yang menjejaskan proses kelancaran pelancongan (Arghutashvili, 2017; Pirveli, 2023). Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat sekatan di pintu masuk sesebuah negara disebabkan masalah seperti yang dinyatakan.. Urusan keluar masuk ke sesebuah negara menjadi semakin sulit dan membebankan para pelancong. Perkara ini tidak termasuk dengan kes-kes penipuan visa dan tiket penerbangan yang pada akhirnya membuatkan pelancong terkandas di lapangan terbang. Selain itu, infrastruktur yang buruk turut memberikan imej yang tidak baik kepada pelancong. Hampir kebanyakan tempat pelancongan memiliki kemudahan yang tidak memuaskan dan rosak (Dziatul Nadiah & Nur Syazleen, 2018). Antara fasiliti yang perlu diperbaiki dan ditambah bagi keselesaan pelancong ialah tandas awam, tong sampah, kafeteria, kedai cenderamata, tempat rehat dan penanda arah. Kemudahan asas ini merupakan elemen penting yang membolehkan sesebuah tempat pelancongan berkembang dan dikunjungi oleh pelancong (Murphy *et al.*, 2000; Basri, 2013; UKessays, 2015).

Kekurangan pemandu pelancong yang bertauliah juga merupakan isu dan masalah utama yang dihadapi oleh tapak-tapak pelancongan dunia (Nurwati, 1994). Oleh hal yang demikian pihak berkepentingan seharusnya memikul tanggungjawab tersebut dengan menyediakan pemandu pelancong yang berlesen (Wilson, 1998) supaya pelancong yang datang berkunjung ke kawasan pelancongan memperoleh maklumat, ilmu pengetahuan dan pengalaman bermakna serta mengujakan. Aktiviti pembalakan, penebangan hutan, pencemaran udara, air dan alam sekitar juga menjadi cabaran yang perlu diselesaikan segera. Kerakusan sikap manusia untuk mengaut keuntungan telah mengabaikan langkah pemuliharaan alam sekitar pastinya akan memberi kesan terhadap pelancongan berasaskan warisan semula jadi dan geopark (Haliza, 2018). Natiujahnya berlakulah perubahan iklim seperti kenaikan suhu global, hujan asid, jerebu dan pemanasan global (Mohd Zulhafiz *et al.*, 2013). Perkara ini pastinya menyebabkan pelancong tidak berminat untuk mengunjungi negara berkenaan bagi tujuan pelancongan.

Pelancongan berasaskan warisan alam semula jadi turut mengalami beberapa isu dan masalah yang berupaya mengganggu gugat sektor pelancongan berkenaan jika tidak ditangani dengan kadar segera. Antara isu dan masalah tersebut ialah pencerobohan hutan simpan untuk tujuan pembalakan. Aktiviti berkenaan telah menyebabkan beberapa spesies terancam pupus jika perkara ini tidak dibendung. Pada masa ini sekitar 3.04 trilion batang pokok di seluruh dunia telah direkodkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 46% telah ditebang (Mohd Hasmadi, 2017). Perkara ini jelas memperlihatkan hampir separuh populasi tumbuhan dunia telah ditebang yang sekali gus mengganggu ekosistem hutan di dunia sehingga menyebabkan industri pelancongan warisan semula jadi terganggu. Selain itu, kebakaran hutan simpan turut menjadi isu dan masalah utama kepada pelancongan warisan semula jadi. Sebagai contohnya kebakaran yang berlaku di Indonesia pada tahun 2019 telah menyebabkan kemusnahan habitat flora dan fauna sekitar 529,527 hektar (Reuters, 2019). Kebakaran hutan ini seringkali dikaitkan dengan proses pembersihan hutan untuk tujuan pertanian. Malahan kebakaran hutan Amazon, Brazil (Agence France-Presse [AFP], 2019) turut memperlihatkan kecuaiian manusia menjadi punca kerosakan hutan simpan yang sekali gus melumpuhkan industri pelancongan warisan semula jadi daripada terus berkembang.

Pencemaran air sungai dan laut di kawasan hutan simpan dan geopark (Azila *et al.*, 2019; Mazlin *et al.*, 2019) turut mengundang kemerosotan kedatangan pelancong di sesebuah kawasan pelancongan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila berlakunya pencemaran maka habitat semula jadi fauna yang ada di sekitar kawasan hutan hujan dan geopark akan musnah. Masalah tumpahan minyak atau kotoran kilang-kilang sedikit sebanyak memberi kesan kepada ekosistem di lembangan sungai dan

lautan. Perkara ini pasti menyebabkan sesebuah kawasan hutan simpan dan geopark akan hilang identitinya. Berdasarkan faktor tersebut jelas menunjukkan terdapat isu dan masalah selain pemegang taruh dan penduduk setempat yang mampu mempengaruhi perkembangan industri pelancongan., Langkah drastik yang proaktif adalah sangat perlu dilaksanakan supaya isu dan masalah berkenaan tidak mengganggu gugat perkembangan industri pelancongan khasnya di kawasan Lembah Bujang itu sendiri.

Penelitian ini secara khususnya bertujuan ingin merekodkan peranan pemegang taruh dan komuniti setempat dalam program pembangunan arkeopelancongan khasnya di Lembah Bujang. Walaupun di peringkat global telah merekodkan beberapa isu yang membelengu program pembangunan pelancongan lestari, tetapi sektor ini mempunyai potensi besar untuk dikembangkan. Walaupun terdapat jurang antara pemegang taruh dan komuniti setempat dalam program pembangunan pelancongan khasnya di Lembah Bujang, tetapi ia tidaklah dipinggirkan sepenuhnya. Buktinya pembangunan pelancongan warisan di Kompleks Arkeologi Sungai Batu umpamanya adalah antara contoh wujudnya kerjasama erat pemegang taruh, NGO dan komuniti setempat dalam pemerkasaan sektor pelancongan warisannya. Komuniti diberi latihan, kursus, ruang dan peluang sebagai pemandu pelancong bertauliah di kawasan ini.

PELANCONGAN ARKEOLOGI ATAU ARKEOPELANCONGAN

Arkeopelancongan ialah salah satu cabang pelancongan warisan (Adnan *et al.*, 2017; Erdogan, 2022) yang berpotensi menjadi tunjang pembangunan ekonomi akar umbi serta membasmi kemiskinan melalui limpahan ekonomi sampingan., Wilayah-wilayah ASEAN khususnya sangat kaya dengan produk pelancongan budaya dan warisan yang ketara atau tidak ketara mampu mendatangkan kesan positif terhadap ekonomi negara jika dibangunkan secara mapan. Unsur-unsur budaya timur ini berupaya menarik pelancong selain menjadi jambatan yang mampu menghubungkan sistem ekonomi antara negara ASEAN (ASEAN Secretariat, 2018). Dalam usaha membangunkan dan mempromosikan warisan dan budaya sebagai produk pelancongan, perancangan strategi pemasaran haruslah kreatif dan bijak seperti keperluan pemasaran bersilang dengan tarikan-tarikan lain di wilayah ini (ASEAN Secretariat, 2015).

Hari ini tapak arkeologi dan tempat bersejarah merupakan aset penting sebagai tarikan pelancong utama di seluruh dunia (Chowdhury & Ahmed, 2015; Lopez *et al.*, 2018). Dalam beberapa tahun belakangan ini, lawatan ke tapak-tapak bersejarah sangat popular selepas pusat makanan seperti restoran dan aktiviti membeli-belah dan telah menduduki tempat ketiga. Bilangan pelawat ke tapak-tapak arkeologi juga meningkat setiap tahun seperti pelawat ke tapak arkeologi Borobudur, Indonesia (Devi & Kesumasari, 2020; Sasongko *et al.*, 2025), Angkor Watt, Kemboja (Alvarez-Sousa & Prados, 2020) dan Ayutthaya Historical Park, Thailand (Ongkhluap, 2012; Thanvisitthpon, 2016) dengan jumlah keseluruhan pelawat mencecah sehingga 10.4 juta setahun.

Hal ini dikatakan demikian kerana tapak warisan dunia UNESCO berkenaan telah berkembang menjadi produk pelancongan ikonik yang sangat terkenal berikutan nilai kesahihan faktanya yang mengagumkan nilai sejarah arkeologi (Woodside *et al.*, 2007; Tang *et al.*, 2009). Tapak tersebut bukan sahaja menjadi simbol kebanggaan komuniti tempatan (Jenkin, 2003; Holt, 2004) malah tapak ini telah memperkukuh imej yang sangat positif dalam pembangunannya sebagai sebuah produk pelancongan yang berjaya dan berdaya saing Tambahan pula menurut Holt (2004) produk ikonik tersebut berpotensi menjadi sumber pendapatan utama bagi sesebuah lokaliti jika pemegang taruh

dan kesemua agensi yang berkaitan memainkan peranan proaktif dari segi strategi pemasaran, promosi di samping proses pemuliharaannya dilakukan dengan berkesan.

Peranan positif hasil kerjasama antara pemegang taruh dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat inilah yang membolehkan wujudnya sekumpulan komuniti aktif di Lembah Bujang pada masa ini yang terlibat dalam sektor arkeopelancongan. Antara komuniti yang telah wujud dan memainkan peranan aktif memperkasakan sektor pelancongan warisan di kawasan ini termasuklah Persatuan AncKed Sungai Batu, dan Komuniti Sungai Merbok (Laman Bidasari dan Bakau Hijau) yang mampu menawarkan pengalaman pelancongan autentik dan pengalaman yang berinformasi. Malah sempena Tahun Melawat Kedah 2025, pemegang taruh turut memperkenalkan perkhidmatan jet-ski di Sungai Merbok membolehkan pelancong mendapat pengalaman menelusuri Sungai Merbok yang kaya dengan nilai sejarah dan biologi. Perkembangan ini menunjukkan satu indikator yang signifikan terhadap komitmen berterusan para pemegang taruh dan komuniti dalam usaha membangunkan produk pelancongan warisan di Lembah Bujang khasnya.

MEMAHAMI TAFSIRAN ARKEOPELANCONGAN

Pelancongan Arkeologi atau “Arkeopelancongan” menurut definisinya ialah aktiviti pelancongan yang berfokus kepada pelawat-pelawat yang berminat untuk menyelusuri pengalaman masa lampau melalui lawatan ke tapak-tapak tinggalan sejarah yang telah dibuktikan melalui kajian arkeologi (Asyaari & Yasmin, 2024). Aktiviti pelancongan ke kawasan bersejarah yang menampilkan tinggalan peradaban khasnya mampu memupuk minat, menyemai apresiasi yang mendalam dan membentuk kesedaran dalam kalangan pelawat terhadap budaya kehidupan zaman silam (Nur Izzati *et al.*, 2013) melalui interpretasi artifak dan ekofak yang ditemui di tapak arkeologi tersebut. Di samping itu, memasyarakatkan penemuan-penemuan arkeologi setempat turut berfungsi sebagai mekanisme untuk menjana pulangan ekonomi kepada komuniti melalui aktiviti pelancongan (Burtenshaw & Palmer, 2014; Mustafa & Tayeh, 2024).

Arkeopelancongan bukanlah produk pelancongan yang baharu, malah skala dan skop kedatangan pelancong ke tapak-tapak ini meningkat setiap tahun. Arkeopelancongan telah menjadi perniagaan yang menguntungkan (Erdogan, 2021) selain menjadi medium untuk penyebaran maklumat berkaitan ketamadunan bangsa (Georgopoulou *et al.*, 2021). Dalam konteks pemasaran dan pembangunan produk, arkeopelancongan seringkali digabungkan dengan bidang yang lebih luas seperti ekopelancongan, geopelancongan dan pelancongan warisan sama ada dalam penyusunan pakej pelancongan yang lebih komprehensif dan berdaya saing mahupun sebagai strategi menembusi pasaran pelancongan (Mohd Amin, 2022).

KONSEP UTAMA ARKEOPELANCONGAN

Perbincangan tentang arkeopelancongan tidak akan sempurna jika pengetahuan asas tentang arkeologi tidak dijelaskan dan diperincikan. Arkeologi ialah penelitian budaya lampau melalui bahan-bahan tinggalan manusia yang terdahulu (Ramsey, 2023). Sebagai contoh tinggalan-tinggalan seperti artifak bukti perdagangan iaitu seramik, manik, dan kaca (Zhang, 2016) sehingga kepada monumen besar seperti candi dan sebagainya merupakan elemen penting bidang arkeologi (Ijmtst *et al.*, 2021). Ahli-ahli arkeologi akan mengkaji penemuan-penemuan ini untuk memahami dan menyiasat semula perkara berkaitan aspek budaya masa lampau yang merangkumi aspek kehidupan,

pemerintahan, sehingga kepada penaklukan dan peperangan. Penyelidikan berterusan inilah yang akhirnya menyumbang kepada pembentukan naratif sesebuah sejarah dan peradaban masa lampau yang kukuh (Kindenberg, 2024).

Pengurusan tapak arkeologi yang dibangunkan sebagai produk pelancongan perlu mengutamakan pemuliharaan dan pemeliharaan kerana tapak arkeologi ini merupakan sumber yang tidak boleh diperbaharui (Gupta, 2025). Penyelidik tidak hanya mengali dan membongkar tapak semata-mata jika aspek peruntukan untuk pemeliharaan tidak diambil kira dan tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Oleh sebab itu, pengurusan warisan arkeologi merupakan salah satu isu yang penting dan perlu dititikberatkan dalam kajian arkeologi. Perkara ini memacu kebimbangan kerana kebanyakan tapak warisan kini diancam kemusnahan akibat pengurusan yang tidak telus dan tidak cekap selain turut terancam oleh arus pembangunan yang pesat (Folorunso, 2000). Atas kesedaran kepentingan memulihara bahan dan tapak warisan, maka pengurusan warisan arkeologi telah diperkenalkan dan menjadi tunjang dalam penyelidikan arkeologi kini (Smith, 2008). Walaupun masih terdapat pertikaian, namun bidang ini merupakan satu disiplin yang saling menjaga dan memulihara tapak dan bahan warisan jika ditadbir urus dengan baik (Smith, 2008).

Di Malaysia pendekatan ini telah diperkenalkan sejak 1990-an supaya kesedaran untuk pemuliharaan dan konservasi arkeologi “Archaeological Impact Assessment” diterapkan (Chia, 2004). Malah atas kepentingannya yang tidak dapat disangkal, pengurusan warisan ini telah muncul sebagai satu sub-disiplin dalam penyelidikan arkeologi di negara ini. Kerja konservasi dan pemuliharaan warisan arkeologi telah diwajibkan berikutan pewartaan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Hanya dengan pelaksanaan pemuliharaan yang berkesan, arkeopelancongan dapat dikembangkan secara optimum dan mencapai potensi yang sebenarnya.

PENDEKATAN ARKEOPELANCONGAN

Arkeopelancongan merupakan satu pendekatan untuk memenuhi pengalaman lawatan yang menguja, menggemblirakan dan pada masa yang sama memberi manfaat besar kepada pelancong (Adnan *et al.*, 2017; Timothy *et al.*, 2024). Manfaat tersebut dapat menyumbang kepada pembentukan nilai jati diri dalam kalangan pelancong di samping pelancong mampu memahami nilai peradaban yang pernah wujud di kawasan ini (Brizi *et al.*, 2023). Perkara inilah yang akan membolehkan pelancong menilai kembali tanggungjawab mereka terhadap tapak warisan sekali gus membentuk nilai integriti dan sayang akan khazanah negara. Bagi mencapai tujuan berkenaan maka peranan pemandu pelancong terutamanya daripada komuniti setempat perlu disediakan (Orabi & Fadel, 2020). Pemandu pelancong berkenaan akan memainkan peranan aktif sebagai duta kecil pelancongan di sesebuah lokasi pelancongan yang membolehkan prinsip *Sustainable Development Goals* dicapai iaitu tidak meninggalkan sesiapa di belakang (Mensah *et al.*, 2022) dipenuhi. Bagi membolehkan perkara itu dicapai, kerjasama antara pemain arkeopelancongan seperti pemilik tapak, pemegang taruh, jurupandu, agensi pelancongan, komuniti setempat, penyelidik harus mengutamakan pendekatan berikut:

- Gabungan disiplin ilmu arkeologi dan ilmu pelancongan haruslah dikuasai untuk menawarkan satu produk yang kukuh dan berdaya saing untuk menarik kedatangan pelancong;
- Bukti-bukti arkeologi, tapak dan artifak mestilah sahih dan telah melalui pentarikhkan kerana ini akan menyokong naratif yang disampaikan kepada pelancong;
- Berdasarkan bukti arkeologi dan interpretasi yang kukuh, naratif yang jelas dapat

dibina bagi tujuan pembangunan pakej pelancongan, penjenamaan dan itinerari yang memikat pelancong;

- Merujuk tapak-tapak warisan dunia dari negara lain; dan
- Amalan “*think tourism*” haruslah diterapkan.

KOMPONEN DALAM ARKEOPELANCONGAN

Kajian lapangan yang dijalankan bertujuan untuk merekodkan data primer bukan sahaja mampu memengkapkan data primer (Mohd Hasfarisham, 2024c) tetapi juga mampu menyediakan satu data lengkap yang mampu dibangunkan sebagai produk pelancongan (Huete-Alcocer, 2018). Di kawasan tapak kajian telah menyediakan bukti lapangan yang boleh dilawati, manakala hasil analisis data boleh diterbitkan dalam pelbagai platform bagi tujuan rujukan masa depan (Sari *et al.*, 2022). Komponen ini merupakan komponen yang saling melengkapi antara satu sama lain dan jika tidak lengkap mampu memberikan kesan negatif terhadap usaha pembangunan pelancongan. Jika dihayati komponen tersebut dapat diklasifikasikan seperti berikut:

1. Tapak arkeologi yang telah dikaji dan bersedia untuk dilawati;
2. Artifak dan ekofak penemuan di tapak lengkap dengan interpretasi;
3. Pakar rujuk;
4. Penerbitan dalam bentuk buku rujukan mesra pelancong berbanding bahan akademik seperti jurnal atau prosiding;
5. Muzium pameran, galeri atau aktiviti amali atau *hands-on* di tapak; dan
6. Pelibatan komuniti khasnya usahawan “*cottage*”, budaya, seni, makanan dan pengangkutan yang berkaitan dengan produk warisan.

Sekitar tahun 1992, Profesor Emeritus Datuk Dr Zuraina Majid, ahli arkeologi dari Universiti Sains Malaysia telah membuat kenyataan akhbar tentang potensi arkeopelancongan sebagai salah satu produk pelancongan. Kenyataan ini dibuat apabila beliau membongkar penemuan besar tapak prasejarah di Lembah Lenggong yang membuktikan kewujudan petempatan masyarakat prasejarah di kawasan tersebut (Zuraina, 1989). Namun begitu cadangan yang diutarakan berkaitan pemerkasaan sektor arkeopelancongan ketika itu masih tidak diberi perhatian serius oleh pemegang taruh dan pemandu pelancong sedia ada. Namun begitu sesuai dengan peredaran zaman, bidang arkeopelancongan di Malaysia kini mula diberi perhatian khusus dan diiktiraf sebagai sektor yang berpotensi untuk dimajukan. Malah pada masa ini telah ada sekumpulan komuniti setempat yang bekerjasama dengan pengkaji dan pemegang taruh yang menawarkan dan melaksanakan program bercorak arkeopelancongan. Bukti tersebut dapat dilihat dengan jelas menerusi penerbitan khusus yang membincangkan aktiviti arkeopelancongan seperti yang diuraikan oleh Aziz (2022) dan Mohd Hasfarisham *et al.*, (2022) di Gua Pelangi, Negeri Sembilan, Mohd Amin *et al.*, (2023) di Lembah Bujang, Kedah, Mohd Hasfarisham *et al.*, (2024d) di Guar Kepah, Pulau Pinang dan oleh Mat Stafa *et al.*, (2018) serta Mohd Hasfarisham, *et al.*, (2025d) di Lembah Lenggong, Perak. Dapatan ini membuktikan bahawa sektor arkeopelancongan di Malaysia telah mula berkembang.

Malah pada tahun 2025, *Tourism Malaysia* telah memainkan peranan aktif dalam mempromosi lokasi pelancongan warisan di negeri-negeri bahagian utara Semenanjung Malaysia (Bernama, 2025). Gerak kerja promosi ini merupakan tindakan susulan daripada program pelancaran produk pelancongan di bahagian utara Semenanjung oleh *Tourism Malaysia* pada tahun 2023 (Tourism Malaysia, 2023). Pemegang taruh turut memainkan peranan serius dengan menganjurkan program pelancongan seperti dialog awam (town hall), *travel mart* selain seminar akademik peringkat


kebangsaan atau antarabangsa yang mampu mengetengahkan potensi dan pembangunan mapan lokasi pelancongan khasnya di Lembah Bujang. Berdasarkan senario semasa ini telah memperlihatkan pemegang taruh telah mula serius dan melibatkan diri secara langsung dalam perkembangan sektor pelancongan warisan arkeologi di Malaysia.

KEPERLUAN ARKEOPELANCONGAN LEMBAH BUJANG

Pengkajian tamadun Kedah Tua khasnya di Lembah Bujang (Rajah 1) telah dimulakan oleh sejak pentadbiran British (Wales, 1940; Allen, 1988) sehinggalah penyelidik tempatan mula mengambil alih peranan penyelidikannya sejak 1970-an. Namun begitu data primer ini masih belum meluas diketahui oleh masyarakat sehinggakan mereka tidak berasa adanya tanggungjawab secara kolektif untuk bersama-sama memelihara tinggalan khazanah ini. Malah pada masa ini banyak tapak arkeologi yang telah musnah, tidak dipulihara dan dijaga walaupun Malaysia telah mempunyai Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) (Mohd Yuszaidi & Muammar Ghaddafi, 2015). Perkara ini secara jelas memperlihatkan kelemahan tadbir urus yang perlu diperbaiki mulai sekarang.

Rajah 1

Lokasi tapak arkeologi tamadun awal di Lembah Bujang banyak tertumpu di sepanjang Sungai Muda, Sungai Merbok, Sungai Merbok Kecil, Sungai Bujang, Sungai Sala dan Gunung Jerai



Sumber. Mohd Hasfarisham & Mokhtar (2025).

Oleh hal yang demikian arkeopelancongan ini seharusnya memainkan peranan aktif dalam menyampaikan maklumat berkaitan keistimewaan, kepentingan pemuliharaan, restorasi sehingga kepada prinsip kelestarian tapak warisan agar komuniti sedar akan tanggungjawab dan bersama-sama menjadi barisan hadapan dalam menjaga tapak warisan daripada termusnah. Sehubungan itu,

arkeopelancongan wajar memainkan peranan berdasarkan prinsip yang jelas sebagai alat untuk:

- a) Membina jati diri bangsa melalui kesedaran sejarah iaitu arkeopelancongan sebagai wadah mendekatkan masyarakat dengan sejarah dan kehidupan masa lampau dinamika kebangkitan dan keruntuhan tamadun.
- b) Pulangan kepada tukaran mata wang;
- c) Pembangunan ekonomi mikro, komuniti;
- d) Peluang pekerjaan masyarakat setempat; dan
- e) Aktiviti perniagaan kepada operator pelancongan.

Bagi melengkapkan pembangunan mapan lokasi pelancongan warisan maka program pembangunan pelancongan warisan perlu memberi tumpuan terhadap beberapa kriteria. Antara kriteria tersebut ialah:

- i) Program pemeliharaan dan pemuliharaan bahan warisan
- ii) Mewujudkan pakej pelancongan gabungan antara produk pelancongan ikonik dan sampingan,
